

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37

Pembangunan sistem PADU capai 60%

Pembangunan sistem PADU capai 60%

PUTRAJAYA: Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) kini mencapai 60 peratus sebelum sistem berkenaan boleh diakses oleh orang ramai bermula Januari 2024, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Jelas Rafizi, walaupun berdepan pelbagai cabaran dalam proses untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini, pihaknya akan berusaha menyiapkan sistem tersebut dalam tempoh masa tiga bulan lagi.

"Selepas kerajaan memutuskan untuk menubuhkan PADU pada Mei dan kemudian kita

mulakan pembangunan (sistem) pada Jun, lebih kurang dua bulan kita berjaya capai 60 peratus.

"Sebenarnya, ia mencabar untuk (sistem itu) mula digunakan pada Januari, tetapi dalam masa kira-kira dua bulan apa yang sepatutnya disiapkan sudah pun mencapai 60 peratus dan insyaAllah dalam masa tiga bulan akan datang kita akan dapat laksanakannya," katanya pada sidang media selepas sesi libat ular PADU bersama Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kementerian dan Agensi di sini, semalam.

Pada 9 September lalu, media melaporkan sistem PADU dia-

ngka melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, dalam membangunkan sistem berkenaan, pihaknya menetapkan garis masa yang jelas iaitu ujian pertama PADU akan dilaksanakan pada November ini sebelum dibuka kepada kepada orang ramai.

"Setakat ini segalanya berjalan seperti garis masa walaupun cabaran untuk menggabungkan data dan maklumat 33 juta rakyat Malaysia dalam tempoh

yang pendek adalah sesuatu yang sangat mencabar.

"Tetapi kerajaan melihat PADU sebagai satu langkah yang mestinya dibuat, bukan sahaja demi untuk memastikan pelaksanaan subsidi bersasar nanti berlaku adil kepada semua isi rumah tetapi bagi menjadikan PADU 'nukleas' kepada rancangan kerajaan untuk beralih menjadikan kerajaan berteknologi termaju," katanya.

Sementara itu, Rafizi menjelaskan, secara keseluruhan sistem PADU dikendalikan oleh penjawat awam terdiri daripada golongan profesional berkebolehan tinggi.